



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 13 FEBRUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	AGROBANK PERKASA PEMBAYARAN DIGITAL DI BAZAR RAMADAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 11	AGROBANK
2.	SELANGOR HENTI SEMUA LADANG BABI, IMPORT 100 PERATUS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 1 & 3	LAIN-LAIN
3.	MB: NO NEW PIG FARMING LICENCES ISSUED IN SELANGOR, NATION, THE STAR, M/S – 3	
4.	SELANGOR IMPORT DAGING BABI SEPENUHNYA PENUHI KEPERLUAN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 6	
5.	SELANGOR IMPORT PENUH DAGING BABI, NEGARA, KOSMO, M/S – 13	
6.	BEKALAN DAGING BABI SELANGOR 100 PERATUS IMPORT, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 22	
7.	SELANGOR TO CLOSE PIG FARMERS, RELY ON PORK IMPORTS, NATION, NEW STRAITS TIMES, M/S – 5	
8.	KERIAN FARMERS HOPE FOR RAINFALL, NATION, THE STAR, M/S – 6	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Agrobank perkasa pembayaran digital di bazar Ramadan

SHAH ALAM – Pelanggan Agrobank berpeluang memenangi motosikal Honda ADV160, telefon pintar iPhone 17 Pro Max serta wang tunai RM300 menerusi Kempen Imbas, Bayar dan Menang yang dilancarkan bermula 15 Februari hingga 15 Jun depan. Kempen diperkenalkan Agrobank dengan kerjasama PayNet ini menggalakkan penggunaan transaksi tanpa tunai.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, kempen itu terbuka kepada pelanggan yang menggunakan kaedah pembayaran digital seperti DuitNow QR, Kad Debit AGRO-i dan FPX.

"Inisiatif ini bukan sahaja memberi ganjaran kepada pelanggan, malah menggalakkan peralihan kepada transaksi tanpa tunai yang lebih pantas dan selamat," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Menurut beliau, pelaksanaan kempen itu selari dengan usaha Agrobank memperkasakan usahawan menerusi pendekatan digital

dalam Program Bazar Ramadan Selangor 2026 yang membabitkan 12 pihak berkuasa tempatan dan 16 lokasi di seluruh negeri.

Katanya, penggunaan pembayaran tanpa tunai di bazar Ramadan bukan sahaja memudahkan urusan jual beli, malah menyokong transformasi ke arah ekonomi digital yang lebih inklusif dan efisien di Selangor.

Beliau berkata, pihaknya berbesar hati meneruskan kerjasama tahun kedua bersama Menteri Besar Selangor Pembedanan (MBI) dalam inisiatif Platform Selangor (PLATS) bagi memperkasakan usahawan di Selangor melalui pendekatan digital.

"Melalui kolaboratif ini, kami mendorong peralihan ke transaksi tanpa tunai.

"Selaras dengan usaha itu, kami melancarkan kempen khas bersama PayNet, iaitu Kempen Imbas, Bayar dan Menang khusus untuk pelanggan Agrobank," tambah beliau.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sebanyak tujuh juta transaksi



Tengku Ahmad Badli Shah (dua dari kiri) dan Amirudin (empat dari kiri) melakukan simbolik pada Majlis Pelancaran Usahawan Program Bazar Ramadan Selangor Tahun 2026 di Pusat Konvensyen MBSA, Seksyen 13, Shah Alam di sini pada Rabu.

dalam talian menggunakan peranti. Agrobank dicatatkan pada bazar Ramadan dan bazar Raya tahun lalu.

"Selain itu, transaksi lain yang turut menunjukkan peningkatan membolehkan peralihan ke transaksi digital," katanya ketika ditemui selepas

merasmikan Majlis Pelancaran Usahawan Program Bazar Ramadan Selangor Tahun 2026 di Pusat Konvensyen MBSA, Seksyen 13, Shah Alam di sini pada Rabu.

Amirudin menegaskan, pencapaian itu sejajar dengan usaha kerajaan negeri

Selangor memacu ekonomi digital dan memudahkan rakyat menjalankan urusan kewangan secara lebih efisien dan selamat.

"Saya berharap usaha ini dapat dipergiat dan dipertambah pada masa akan datang," tambah beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	MUKA DEPAN

Selangor henti semua ladang babi, import 100 peratus

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
athir.ismail@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Kerajaan Negeri Selangor menghentikan semua aktiviti penternakan babi dan akan mengimport sepenuhnya daging haiwan itu bagi memenuhi keperluan masyarakat bukan Islam.

Keputusan itu bakal menamatkan semua polemik berkaitan isu penternakan babi oleh mana-mana pihak.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, ia diputuskan dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) semalam, selaras dengan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Bersambung di muka 3

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Selangor henti semua ladang babi, import 100 peratus

Dari muka 1

Katanya, sebarang pengeluaran dan kelulusan lesen import akan dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan selaras dengan bidang kuasa pemberian lesen.

“Setakat ini, 70 peratus daripada keperluan masyarakat bukan Islam bagi daging babi bersumberkan import dari negeri-negeri lain dan selepas keputusan MMKN, keseluruhan keperluan tempatan akan diimport sepenuhnya oleh industri terbabit,” katanya dalam kenyataan.

Selasa lalu, Sultan Sharafuddin tidak memperkenan sebarang aktiviti penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di Selangor.



AMIRUDIN SHARI

Baginda bertitah, penternakan haiwan tersebut dikenal pasti menyebabkan pencemaran alam sekitar, udara yang

ketara akibat bau busuk, selain berpotensi mencemarkan sumber air sungai melalui pelepasan sisa kumbahan.

Sultan Sharafuddin bertitah, sebagai contoh cadangan untuk menjalankan penternakan babi di Bukit Tagar, Hulu Selangor adalah tidak wajar memandangkan kawasan itu merupakan penempatan majoriti orang Melayu dan melibatkan kawasan Felda, sekali gus dijangka menerima bantahan penduduk setempat.

Amirudin berkata, penutupan ladang penternakan yang beroperasi sebelum ini seperti di Tanjong Sepat, Kuala Langat akan dipercepat secara berperingkat dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DSV).

“Sejak Januari, kerajaan negeri menghentikan pengeluaran lesen penternakan babi dan memfokuskan kepada pengosongan tapak ladang yang sedia ada di Tanjong Sepat, menjiwai titah Sultan Selangor yang dizahirkan pada bulan lalu.

“Dalam menjunjung kasih titah terbaharu Sultan Selangor, melangkah ke hadapan, kerajaan negeri tidak akan meneruskan pemberian lesen penternakan babi kepada mana-mana pihak di Selangor,” katanya.

Pada 12 Januari lalu, Sultan Sharafuddin bertitah, perancangan berskala besar adalah tidak wajar dengan realiti demografi serta keharmonian masyarakat di negeri ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2026	THE STAR	NATION	3

MB: No new pig farming licences issued in Selangor

By **WANI MUTHIAH**
wani@thestar.com.my

KLANG: Selangor has ceased issuing new pig farming licences and is working to close existing farm sites in Tanjong Sepat, says the Menteri Besar.

Datuk Seri Amirudin Shari said the closure of the pig farms would be expedited jointly with the state Veterinary Services Department. He said this was decided at a recent state executive council meeting, in line with a decree by the Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, that pig farms should not operate in any district in the state.

"In accordance with His Royal Highness' decree issued last month, the state government has stopped issuing pig farming licences and is focusing on clearing existing farm sites in Tanjong Sepat," Amirudin said in a statement yesterday.

The Menteri Besar said about 70% of pork consumed by non-Muslims in Selangor was sourced from other states.

He added that following the exco's decision, the industry would fully rely on imports to meet local demand.

"Any issuance and approval of import licences will be referred to the federal government, in line with its licensing jurisdiction. "This is to preserve communal harmony and address concerns over the environmental impact of these farms, including water pollution and odour issues," he said.

Amirudin said the exco's decision should put an end to the polemic surrounding pig

farming and prevent the issue from being prolonged in ways that could stir disharmony and ill-feeling among Selangor's multiracial and multireligious communities.

Meanwhile, water quality modelling specialist Dr Zaki Zainudin said the state government's decision was timely as pig-farming wastewater was a significant contributor to nationwide pollutant loading.

"From the Environmental Quality Report 2024, wastewater generated from pig-farming activities recorded the highest pollution load in terms of suspended solids (SS) estimated at approximately 309.8 tonnes a day, and the second highest load in terms of biochemical oxygen demand (BOD) at about 149.2 tonnes a day," he added.

Zaki said the same report highlighted Perak and Selangor as the states registering the highest loads of BOD, SS and ammonia associated with pig-farming operations.

"In addition, pig-farming activities may contribute heavy metals into the environment through wastewater discharge, manure handling and surface runoff pathways," he added.

Pork seller Teh Kim Seng said he used to buy pigs from farmers in Tanjong Sepat in the past but stopped after 2020.

"We had difficulty getting our supply from Tanjong Sepat during the movement control order in 2020 and 2021, so I started buying from a neighbouring state. I have been buying from them since," said Teh who runs a pork stall in Klang.

Selangor import daging babi sepenuhnya penuh keperluan

Shah Alam: Kerajaan Selangor bersetuju keperluan daging babi bagi pasaran negeri itu diimport sepenuhnya, selaras dengan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah. Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata perkara itu diputuskan menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan sebarang pengeluaran dan kelulusan lesen import akan dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan.

"Setakat ini, 70 peratus daripada keperluan masyarakat bukan Islam bagi daging babi

import dari negeri lain.

"Keputusan ini diambil bagi menjaga sensitiviti masyarakat yang khuatir terhadap impak ladang penternakan ini kepada alam sekitar, termasuk saliran air dan pencemaran bau," katanya dalam kenyataan semalam.

Amirudin berkata sejak Januari lalu, kerajaan negeri sudah memberhentikan pengeluaran lesen penternakan babi dan menumpukan kepada pengosongan tapak ladang sedia ada di Tanjung Sepat.

Beliau berkata, sebagai men-

junjung titah Sultan Sharafuddin, kerajaan negeri juga tidak akan meneruskan pemberian lesen penternakan babi kepada mana-mana pihak di Selangor.

"Bagi ladang penternakan yang beroperasi sebelum ini, kawasan itu akan ditutup dengan kadar lebih pantas secara berperingkat dengan kerjasama Jabatan Veterinar Selangor," katanya.

Amirudin berkata, polemik berkaitan isu itu wajar dikhentikan agar tidak menggugat keharmonian dan menimbulkan

kenan penternakan babi untuk dijalankan di mana-mana daerah di Selangor berikutan risiko menyebabkan pencemaran yang mampu memudaratkan penduduk sekitar.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Mumir Bani dalam kenyataan berkata, baginda menegaskan penternakan babi boleh menyebabkan pencemaran udara dengan mengeluarkan bau busuk serta mengganggu sumber air sungai akibat pelepasan najis dan sisa kumbahan binatang itu.

BERNAMA

Sultan Sharafuddin tak berkenan penternakan babi di Selangor



Keratan akhbar BH kelmarin.

syak wasangka dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama.

Sebelum ini, Sultan Sharafuddin bertitah tidak memper-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2026	KOSMO	NEGARA	13

Muktamad, tiada ladang babi di Selangor

DARI MUKA 1
 "Keputusan muktamad kerajaan negeri Selangor adalah bahawa tiada ladang babi akan dibina di Selangor. Keputusan ini adalah muktamad dan tidak akan berubah."

**KERATAN
KOSMO!
11 Februari
2026.**



GAMBAR fail bertarikh 13 September 2022 menunjukkan pemandangan udara ladang ternakan babi di Tanjong Sepat, Kuala Selangor.

Selangor import penuh daging babi

- **Kerajaan negeri junjung titah Sultan Sharafuddin**
- **Kini sedang fokus kosongkan kandang di Tanjong Sepat**

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Kerajaan negeri akan mengimport sepenuhnya daging babi dalam memenuhi keperluan masyarakat bukan Islam di Selangor selaras dengan menjunjung kasih titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, keputusan itu hasil Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bagi menjaga sensitiviti masyarakat yang khuatir terhadap impak ladang penternakan ini kepada alam sekitar termasuk saliran air dan pencemaran bau.

Katanya, setakat ini sebanyak 70 peratus daripada keperluan masyarakat bukan Islam bagi daging babi bersumberkan import dari negeri-negeri lain.

"Selepas keputusan MMKN, keseluruhan keperluan tempatan akan diimport sepenuhnya oleh industri terbabit. Sebarang pengeluaran dan kelulusan lesen import akan dirujuk kepada kerajaan Persekutuan selaras dengan bidang kuasa pemberian lesen," katanya dalam kenyataan semalam.

Justeru, beliau menegaskan sebarang polemik berkaitan isu babi harus dihentikan dan tidak dipanjangkan oleh mana-mana pihak yang mungkin bertujuan menggugat keharmonian dan menimbulkan perasaan syak wasangka antara masyarakat Selangor yang berbilang kaum dan agama.

Amirudin berkata, kerajaan negeri menjunjung kasih titah terbaru Sultan Sharafuddin yang menzahirkan tidak memperkenan penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di Selangor.

Malah, Amirudin memaklumkan, pengeluaran lesen penternakan babi telah diberhentikan sejak Januari lalu.

"Sebaliknya, memfokuskan kepada pengosongan tapak ladang yang sedia ada di Tanjong Sepat, menjiwai titah Sultan Selangor yang dizahirkan baginda bulan lalu.

"Melangkah ke hadapan, kerajaan negeri tidak akan meneruskan pemberian lesen penternakan babi kepada mana-mana pihak di Selangor," ujarnya.

Katanya, ladang penternakan yang beroperasi sebelum ini akan ditutup dengan kadar lebih pantas secara berperingkat dengan kerjasama Jabatan Veterinar Negeri Selangor.

Kelmarin *Kosmo!* melaporkan, Sultan Sharafuddin Idris Shah tidak berkenan penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di negeri ini yang boleh menyebabkan pencemaran bau dan sumber air sungai.

Baginda turut menyarankan agar pihak kerajaan dapat memberi lesen untuk pengimportan daging babi bagi menampung permintaan dan keperluan orang bukan Islam khususnya kaum Cina di Selangor sahaja.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	22

Bekalan daging babi Selangor 100 peratus import

Kerajaan Selangor tutup ladang babi, fokus import

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SHAH ALAM - Selangor akan mengimport sepenuhnya bekalan daging babi susulan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) menghentikan aktiviti penternakan babi di negeri ini, se-



Laporan Sinar Harian pada Rabu.

jajar dengan titah Sultan Selangor. Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, keputusan itu bagi menjunjung kasih titah terbaharu Sultan Sharafuddin Idris Shah, yang tidak memperkenankan aktiviti penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di negeri ini.

"Sebelum ini, 70 peratus keperluan masyarakat bukan Islam bagi daging babi di Selangor diperolehi melalui import dari negeri lain.

"Namun, selepas ketetapan terbaharu ini, keseluruhan bekalan akan dibawa masuk dari luar," jelasnya dalam kenyataan pada Khamis.

Amirudin me-

JUMLAH TERNAKAN BABI MENGIKUT NEGERI (2021-2024)				
Negeri	2021	2022	2023	2024*
Pertis	-	-	-	-
Kedah	1,484	2,188	2,188	2,120
Pulau Pinang	309,022	267,348	187,956	189,688
Perak	555,705	508,786	412,072	415,989
Selangor	227,840	265,739	260,930	254,425
N. Sembilan	848	930	380	282
Melaka	40,571	-	-	-
Johor	240,752	207,912	129,539	128,232
Pahang	3,472	-	-	-
Terengganu	N.A	N.A	-	-
Kelantan	-	-	-	-
Wilayah Persekutuan	N.A	N.A	-	-
Sabah	89,469	86,510	89,105	88,682
Sarawak	204,123	163,534	158,054	154,746
Jumlah	1,673,286	1,502,947	1,240,224	1,234,164

*Nota: 2024 adalah anggaran
 *N.A = Tiada maklumat
 *Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Bagi ladang yang telah beroperasi sebelum ini, kawasan berkenaan akan ditutup secara berperingkat dengan kadar lebih pantas melalui kerjasama Jabatan Veterinar Negeri Selangor."

- Amirudin



nambah, sebarang pengeluaran dan kelulusan lesen import akan dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan selaras dengan bidang kuasa pemberian lesen.

Sejak Januari lalu, kerajaan negeri telah memberhentikan pengeluaran lesen penternakan babi dan memberi tumpuan kepada pengosongan tapak ladang sedia ada di Tanjung Sepat, Kuala Langat.

"Bagi ladang yang telah beroperasi sebelum ini, kawasan berkenaan akan ditutup secara berperingkat dengan kadar lebih pantas melalui kerjasama Jabatan Veterinar Negeri Selangor," katanya.

Beliau turut menegaskan, sebarang polemik berkaitan isu ber-

kenaan dihentikan demi menjaga keharmonian masyarakat pelbagai kaum dan agama di negeri ini.

Pada Selasa, Amirudin memaklumkan bahawa kerajaan negeri akan melaksanakan titah Sultan Sharafuddin yang tidak berkenan aktiviti penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah, selain menegaskan larangan pembinaan rumah ibadat tanpa kebenaran.

Sultan Sharafuddin sebelum itu bertitah, baginda tidak berkenan penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di negeri ini kerana bimbang ia menimbulkan pencemaran alam sekitar serta keresahan dalam kalangan masyarakat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2026	NEW STRAITS TIMES	NATION	5

SULTAN'S DECREE

Selangor to close pig farms, rely on pork imports

SHAH ALAM: Selangor will rely entirely on imported pork supplies for its non-Muslim community as the state moves to shut down all pig farms and cease issuing licences.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the decision was made during a state executive council meeting following a decree by the Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah.



Datuk Seri Amirudin Shari

"The state government upholds the latest decree by the sultan of Selangor, who expressed that he does not consent to pig farming being carried out in any district in Selangor," he said yesterday.

Amirudin noted that the state had stopped issuing new licences in January and was focusing on vacating existing farms in Tanjung Sepat, Kuala Langat, as decreed by the sultan last month.

"Following the latest decree, the state government will not continue granting pig farming licences to any party in Selangor," he said.

Existing farms would be closed quickly in coordination with the Selangor Veterinary Services Department.

Amirudin revealed that 70 per cent of the pork supply for the non-Muslim community in the state was currently imported from other states.

"Following the council's decision, local requirements will be met entirely through imports by the industry. Any issuance and approval of import licences will be referred to the federal government, in line with its licensing jurisdiction.

"With this decision, any polemic regarding the pig farming issue must end and not be prolonged by any party, especially those aiming to threaten harmony and cause suspicion among Selangor's multiracial and multi-religious society," he added.

Kerian farmers hope for rainfall



Receding waters: The low water level at the jetty in Bukit Merah Lake Town Resort, Perak. — ZHAFARAN NASIB/The Star

Water shortage threatening padi harvest

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

KERIAN: Padi farmers in the area have only five more days of irrigation available from the Bukit Merah Dam before it reaches the supply cut-off level.

As of 10am yesterday, the water level stood at 6.25m, just above the final warning level of 6.09m.

The five-day estimate is based on a daily drop of 0.03m from Wednesday's reading of 6.28m.

According to the Kerian Irrigation and Drainage Department, the dam has reached Stage Three Irrigation Critical Status, with only 8.8637 million cubic metres of water remaining, equivalent to 16.27% of capacity.

At this level, water can no longer flow into the irrigation canals.

If conditions do not improve and rains fail to return, some 166,000 residents in Kerian may also face water rationing.

Although light rain was recorded on Wednesday, it was insufficient to reverse the decline, with locals describing it as "15 minutes of drizzle".

The prolonged drought, which began at the end of last December, has resulted in significant losses for farmers, as irrigation is being rationed during a crucial phase of the crop cycle.

Kerian district has 21,000ha of padi fields as of 2024, according to the Integrated Agriculture Development Area.

Muhd Akmal Mat Rafaii, 31, said about 20 farmers in the Tebuk Panchor area have been affected this season.

"Water is now released on a rationed basis, leaving many fields dry just as the crop enters a crucial growth stage.

"The season began in December, and harvest is due in March, but much of the padi did not grow well, as the drought started early. Fertiliser has become useless because it cannot be dissolved and absorbed. Some plots are damaged and produce nothing," he said.

Akmal estimated yields could decline by 30%, with some husks hollow and containing no rice.

"When fields dry up, rats roam freely and build nests in the soil. Pesticides are also less effective in dry conditions," he added.

In nearby Parit Satu, some farmers were unable to apply pesticides, allowing weeds to overrun their fields.

While a few have invested in pumps to draw water from low-level canals, others cannot afford to do so.

The situation in Ban Pisang is worse. Farmers who typically harvest three tonnes now fear yields may fall to less than one tonne.

Declining harvests over the past decade have also taken a toll on Akmal's operations, including his rice harvester rental business.

"In the past decade, we have reduced our number of machines

from five to two. With the poor harvests, three had to be sold off," he explained.

In Perlis, 771 farmers operating about 720ha of padi fields outside the Muda Agricultural Development Authority area have been affected.

State environment and biotechnology committee chairman Megat Hashirat Hassan said the affected area could widen if the hot, dry weather persists.

An emergency response has been activated, with 119 water pumps deployed statewide — 39 from the Agriculture Department and 80 from the Irrigation and Drainage Department.

Megat Hashirat said the Timah Tasoh Dam, currently releasing water at a 10% gate opening, will increase the discharge to 15% to ease conditions in affected areas.

As of 10am yesterday, the dam's water level stood at 27.3m. At the current rate, it is expected to drop to the drought alert threshold in about 15 days.

Potential padi losses are estimated at 3,240 tonnes and could rise if dry conditions continue, further affecting farmers' incomes.

Megat Hashirat added that preparations are underway to channel assistance.

Farmers have been urged to register with Agrobank and their respective Area Farmers' Organisation branches to ensure eligibility.

Tips to conserve water during a dry spell



Fix leaks immediately

Water leaks can waste significant amounts of water over time. Regularly check for leaks in taps, pipes, and water systems. Fix them as soon as possible to prevent unnecessary water loss.

Install water-efficient fixtures

Upgrade to water-saving faucets, low-flow showerheads, and dual-flush toilets. These modern fixtures reduce water consumption while maintaining performance.



Collect rainwater

Malaysia experiences frequent rainfall, making it ideal to harvest rainwater. Use collected water for gardening, cleaning, or flushing toilets, reducing your dependence on tap water.

Use native plants in landscaping

Opt for native, drought-tolerant plants in your garden. These plants require less water and are well-suited to Malaysia's climate, helping you maintain a beautiful landscape with minimal watering.



Smart watering practices

Water your garden early in the morning or late in the evening to reduce evaporation. Consider installing drip irrigation systems that deliver water directly to the plant roots, minimizing waste.

Choose water-efficient appliances

Use water-efficient washing machines and dishwashers. These appliances consume less water per load, which can lead to significant savings over time.



Reuse greywater

Recycle water from showers, sinks, and washing machines for non-drinking purposes such as garden watering and cleaning. This practice can help reduce overall water consumption.

Reduce water pressure

Lowering the water pressure in your home or business can reduce water flow, helping you conserve water without affecting your daily activities.



Monitor your water usage

Keep an eye on your water bill and regularly monitor water usage. Spikes in your bill can indicate leaks or inefficient practices, allowing you to take action early.

Raise public awareness

Encourage water-saving habits in your community or workplace. Use signage and education to promote water conservation, ensuring that everyone contributes to saving this vital resource.



Source: Ranhill SAJ

The Star graphics